

# Perdagangan

- Perdagangan merupakan kegiatan ekonomi yang penting bagi kerajaan Alam Melayu disebabkan barang dari Alam Melayu menjadi tarikan pedagang luar.
- Faktor yang membantu kegiatan perdagangan di Alam Melayu ialah kedudukan Alam Melayu yang strategik di tengah-tengah laluan perdagangan timur dan barat dan kemudahan di pelabuhan.
- Pelabuhan kerajaan Alam Melayu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti bekalan air, tempat tinggal, kawasan berjual beli dan tempat menyimpan barang dagangan.

Kerajaan	Pelabuhan	Barang Didagangkan
Funan	Oc Eo	Damar, kapur barus, kayu cendana dan gaharu
Champa	Turan, Kam ran, Sri Banoy dan Maliti	Beras, emas, perak, gading gajah dan gaharu
Srivijaya	Palembang	Damar, kapur barus, gaharu, madu, rotan, rempah, mutiara, rumput laut, gading gajah dan badak sumbu
Angkor	Yasodharapura	Gaharu, buah pelaga, lilin lebah, minyak sayuran, damar dan gading gajah
Majapahit	Tuban, Sidayu, Gresik dan Surabaya	Rempah, beras, rotan, kayu cendana, gaharu, ikan, kulit penyu dan mutiara
Kedah Tua	Sungai Mas dan Pangkalan Bujang	Rotan, damar, kayu cendana dan gading gajah
Gangga Nagara	Pangkalan, Lembah Kinta, Tanjung Rambutan, Bidor dan Sungai Siput	Emas, bijih timah, rempah-ratus, kapur barus dan damar